

Ucapan Perdana Menteri, Tun Haji Abdul Razak bin Hussein,
di Majlis Pembukaan Expo Jentera anjuran Syarikat United
Manufacturers Sdn. Bhd. di Sungai Way pada hari Sabtu,
29hb. Mac, 1975, pukul 4.00 petang.

Terlebih dahulu saya suka mengucapkan terimakasih kepada pihak penganjur Expo ini kerana menjemput saya meresmikan pembukaannya. Saya sungguh berasa bangga dapat hadir bersama kerana pada hemat saya Expo ini mempunyai erti tertentu bahkan menjadi batu tanda kemajuan yang penting dalam pembangunan negara kita selaras dengan usaha Kerajaan hendak menggalakkan lebih ramai lagi Bumiputra beserta dalam bidang perdagangan dan perusahaan.

Sepertimana yang kita sedia maklum, Kerajaan telah menggubal Dasar Ekonomi Baru dan melaksanakannya dengan teliti untuk mencapai matlamatnya. Beberapa agensi dan badan berkanun telah ditubuhkan bagi maksud ini. Tetapi usaha-usaha dan rancangan-rancangan Kerajaan tidak akan berjaya sekiranya tidak mendapat sambutan dan usaha daripada orang-orang kita sendiri.

Saya berkata demikian kerana kejayaan dalam perdagangan dan perusahaan bukan sahaja memerlukan modal tetapi lebih daripada itu imajinasi, inisiatif, ketekunan kerja dan pengurusan yang baik. Saya sukacita melihat wujudnya sebuah lagi syarikat Bumiputra yang berjaya kerana kejayaan syarikat-syarikat ini adalah juga kejayaan Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru.

Syarikat ini juga, saya harap, menjadi contoh kepada orang-orang kita supaya berani memasuki bidang-bidang perusahaan baru yang dahulunya di luar dugaan mereka untuk beserta. Selain daripada itu syarikat ini menggambarkan kemungkinan rakyat memasuki bidang perusahaan yang besar dengan cara bekerjasama. Jika secara persendirian mereka tidak berdaya turut beserta tetapi dengan cara kerjasama dan perkongsian mereka boleh berjaya bertanding mengambil tempat dalam gelanggang perniagaan.

Boleh dikatakan Expo jentera seperti ini menunjukkan peringkat kemajuan pembangunan sesebuah negara. Penggunaan jentera amnya membedzakan antara masyarakat yang mundur dengan masyarakat yang progresif. Sekiranya masyarakat kita belum sanggup menggunakan jentera dengan meluas, saya percaya Expo ini tidak akan dapat diadakan.

Perangkaan menunjukkan antara tahun 1971 - 1975, petani-petani kita telah meminjam lebih kurang \$7.5 juta daripada Bank Rakyat dan Bank Pertanian untuk membeli jentera-jentera pembajak. Angka ini menggambarkan bukan sahaja kemajuan ekonomi petani-petani kita, tetapi juga kesedaran mereka memodenkan pertanian untuk menambah pengeluaran dan meninggikan pendapatan. Perubahan sikap ini amatlah menggalakkan dan akan terus digalakkan dengan seluas-luasnya, terutama di kawasan-kawasan pertanian yang besar seperti Muda, Kemubu dan Besut.

Kita tahu negara ini ialah negara pertanian. Kekayaan sumber alam kita hendaklah digunakan dengan sepenuhnya. Inflasi dan kemerosotan ekonomi yang dialami oleh kebanyakan negara, terutama negara-negara yang berasaskan industri semata-mata, patut dijadikan pelajaran mengingatkan kita supaya memberi keutamaan kepada perusahaan pertanian. Potensi bidang ini amatlah luas asalkan sahaja dirancang dengan baik. Kerajaan sedar akan perkara ini. Maka itulah dalam rancangan yang disusun sekarang, keutamaan diberi kepada pembangunan sektor pertanian sebagaimana yang digariskan dalam Gerakan Buku Hijau hari ini.

Sayugia saya ingatkan, satu strateji penting yang disusun dalam Rancangan Malaysia Kedua, sebagai langkah hendak membasmi kemiskinan dan meninggikan pendapatan rakyat desa, ialah memodenkan sektor luar bandar.

Langkah pertama kearah ini ialah "intensive and diversified commercial farming", yakni memperhebat dan memperbagaikan jenis tanam-tanaman dengan tujuan perdagangan. Bagi kedua-dua maksud ini, kita memerlukan banyak tenaga. Tetapi oleh kerana kita juga hendak menyusun semula masyarakat (restructuring society), dasar membandarkan Bumiputra (urbanisation) perlu dilaksanakan. Akibatnya banyak kampung-kampung kita hari ini kekurangan tenaga manusia kerana ramai anak-anak muda telah berhijrah ke bandar-bandar ataupun masuk rancangan tanah FELDA. Satu daripada cara-cara mengatasi masalah kekurangan tenaga ini ialah dengan menggunakan jentera.

Tidak lama dulu, saya telah melancarkan Rancangan Buku Hijau. Walaupun matlamat utama rancangan ini ialah hendak menggalakkan tiap-tiap keluarga bercucuk tanam dan berternak cukup untuk kegunaan mereka sendiri, tetapi Kerajaan adalah juga menggalakkan petani-petani yang mampu untuk menjalankan pertanian secara perdagangan atau commercial farming.

Bagi matlamat kedua, konsep "intensive and diversified commercial farming" yang saya sebutkan tadi mestilah dilaksanakan. Untuk maksud ini, penggunaan jentera adalah penting dan mustahak sekali. Kita tidak dapat menapikan bahawa jentera merupakan alat revolusi pertanian. Rancangan Buku Hijau boleh terjamin kejayaannya dengan menggunakan jentera, khususnya bagi matlamat "commercial farming" yang saya katakan itu.

Dalam pada itu ada beberapa perkara yang ingin saya timbulkan berkaitan dengan penggunaan jentera dalam pertanian (farm mechanization). Saya berharap pihak-pihak yang terlibat dalam perusahaan pertanian akan memikirkannya dengan lebih lanjut dan mengambil tindakan-tindakan yang wajar bagi kebajikan kita bersama.

Jentera-jentera pertanian dan "spare parts" amnya masih tinggi harganya, dengan ertikata lazimnya petani-petani yang sudah maju dan berada sahajalah yang boleh membelinya. Akibatnya, petani-petani yang kurang berada dan mundur akan terus ketinggalan. Oleh yang demikian, keadaan tidak seimbang dalam sektor pertanian jua pun akan berpanjangan. Hal ini telahpun saya katakan semasa membuka Seminar Farm Mechanization di Pulau Pinang dua tahun yang lalu.

Saya harap penyelidikan mengenai jentera, bukan sahaja dari segi kesesuaiannya tetapi juga dari segi harga, akan diberi perhatian khas supaya lebih ramai rakyat mampu membelinya. Inilah satu cara bagaimana kita boleh membantu membasmi kemiskinan di kalangan petani dan membolehkan semua petani-petani menjalankan perusahaan dengan menggunakan alat-alat moden.

Penggunaan jentera yang meluas juga memerlukan pengetahuan dan kemahiran tertentu di kalangan petani-petani. Oleh itu kelas-kelas vocational khusus berkaitan dengan jentera pertanian hendaklah di pergiatkan. Bukan sahaja belia-belia dan petani-petani dewasa yang perlu diajar, malahan di sekolah-sekolah menengah dan dalam masa cuti panjang akhir tahun pelajar-pelajar hendaklah diberi peluang mempelajari pengetahuan serta kemahiran jentera. Saya ingin melihat syarikat-syarikat swasta dan pertubuhan-pertubuhan sukarela yang kaya menganjurkan kelas-kelas seperti ini.

Akhir sekali, kepada petani-petani sendiri, saya harap mereka lebih sedia cepat bermuafakat dan bekerjasama antara satu sama lain, untuk berusaha secara berkelompok di sesuatu kawasan pertanian. Dengan cara ini mudahlah mereka mendapatkan perkhidmatan trektor dari agensi-agensi pertanian Kerajaan. Jika pun tidak, nescaya lebih mudah mereka berunding dengan pihak-pihak swasta supaya boleh menyewakan dengan harga yang rendah.

Dengan ini, saya dengan sukacitanya meresmikan pembukaan Expo jentera anjuran Syarikat United Manufacturers ini dan berharap Syarikat ini mencapai kejayaan sepenuhnya.



Gambar ini menunjukkan YB Datuk Haji Mustafa bin Haji Abdul Jabar sedang menyerahkan cenderamata khas kepada Allahyarham YAB Tun Abdul Razak sebagai tanda kasih LPP dan peladang-peladang seluruh tanah air terhadap sumbangan Allahyarham kearah kemajuan pertanian. Cenderamata khas ini bermotifkan usaha-usaha perladangan mengikut sains dan teknologi. Peristiwa ini adalah diabadikan sempena dengan pelancaran Hari Peladang 1975 yang diadakan di Dewan Jamuan Bangunan Parlimen.